

KEMPEN FI SIFAR DAN KADAR KEUTAMAAN BAGI PINDAHAN BERTELEGRAF KELUAR LUAR NEGARA

“Kempen Fi Sifar dan Kadar Keutamaan bagi Pindahan Bertelegraf Keluar Luar Negara” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) [secara kolektif dan kemudian dari ini disebut “**Bank**”] bermula dari 15 Mac 2021 hingga 15 September 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“**T&Cs**”):

Kelayakan

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan Bank baharu, digelar baharu-kepada-bank (“**Pelanggan NTB**”), dan pelanggan sedia ada, digelar sedia ada-kepada-bank (“**Pelanggan ETB**”), individu dan bukan individu yang akaun simpanan/akaun simpanan-i atau akaun semasa/akaun semasa-i mereka serta juga akaun simpanan/akaun simpanan-i atau akaun semasa/akaun semasa-i bukan individu dibuka di bawah bahagian Perkhidmatan Kewangan Peribadi Bank (secara kolektif disebut “**Pelanggan**”).

Bagi mengelakkan keraguan:

- (a) Pelanggan NTB bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai akaun simpanan/akaun simpanan-i atau akaun semasa/akaun semasa-i dengan Bank sebelum Tempoh Kempen;
 - (b) Pelanggan Bukan Individu bagi Kempen ini bermaksud pelanggan Perusahaan Kecil dan Sederhana yang membuka akaun simpanan/akaun simpanan-i atau akaun semasa/akaun semasa-i bagi transaksi berkaitan perniagaan.
2. Golongan Pelanggan berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
 - (b) Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana kesalahan yang dinyatakan di dalam ini.

Kaedah Kempen

Tawaran 1: Kadar Keutamaan dan Fi Sifar bagi Pelanggan NTB

3. Pelanggan NTB layak menikmati Kadar Keutamaan (“**Kadar Keutamaan**”) dan pengecualian fi OOTT apabila mereka melakukan Pindahan Bertelegraf Keluar Luar Negara (“**OOTT**”) yang ditawarkan oleh Bank Melalui Kaunter (“**OTC**”) di cawangan Bank bagi mana-mana Mata Wang Asing yang tersenarai dalam Jadual 1 di bawah ini dengan amaun transaksi minimum setara Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) semasa Tempoh Kempen (“**Tawaran 1**”). Tidak dihadkan bilangan transaksi yang dibenarkan bagi Pelanggan NTB menikmati Tawaran 1.
4. Kadar Keutamaan ditawarkan bagi mata wang asing seperti berikut:

Jadual 1

Bil.	Mata Wang Asing	Kod Mata Wang
1	Australian Dollar	AUD
2	Canadian Dollar	CAD
3	Euro	EUR
4	Sterling Pound	GBP
5	Hong Kong Dollar	HKD
6	Japanese Yen	JPY
7	New Zealand Dollar	NZD
8	Saudi Arabian Riyal	SAR
9	Singapore Dollar	SGD
10	US Dollar	USD

5. Kadar Keutamaan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa diberitahu terlebih dahulu. Pelanggan NTB hendaklah merujuk <https://www.hlb.com.my/en/global-markets/forex-rates.html> untuk mengetahui Kadar Keutamaan terkini yang ditawarkan semasa Tempoh Kempen.
7. Pengecualian fi OOTT bermaksud caj kawat berjumlah hingga Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) bagi setiap transaksi yang dilakukan melalui OTC.

Tawaran 2: Fi Sifar bagi ETB

6. Pelanggan ETB layak menikmati pengecualian fi OOTT apabila mereka melakukan OOTT yang ditawarkan oleh Bank Melalui Kaunter (OTC) di cawangan Bank dengan amaun transaksi minimum setara Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) semasa Tempoh Kempen ("**Tawaran 2**"). Tidak dihadkan bilangan transaksi yang dibenarkan bagi Pelanggan ETB menikmati Tawaran 2.
7. Pengecualian fi OOTT bermaksud caj kawat berjumlah hingga Ringgit Malaysia Tiga Puluh (RM30) bagi setiap transaksi yang dilakukan melalui OTC.

Tawaran 3: Fi Sifar bagi Pengguna Hong Leong Connect

8. Semua Pelanggan NTB dan ETB yang berdaftar sebagai pengguna Hong Leong Connect ("**Connect**") berhak mendapat pengecualian fi OOTT ("**Tawaran 3**"). Bagi mengelakkan keraguan, pengguna Hong Leong ConnectBiz dan Hong Leong ConnectFirst tidak layak mendapat Tawaran 3 ini.
9. Pengecualian fi OOTT bermaksud caj kawat berjumlah hingga Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) bagi setiap transaksi yang dilakukan dalam talian.
10. Pengecualian fi OOTT diberi bagi semua jenis mata wang yang ditawarkan oleh Bank.
11. Tidak dihadkan bilangan transaksi yang dibenarkan bagi Pelanggan menikmati Tawaran 3.

Lain-lain

12. Semua transaksi OOTT di bawah Kempen ini adalah tertakluk kepada segala caj berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, caj ejen atau caj bank penerima. Bank tidak bertanggung untuk membayar apa-apa caj berkaitan yang lain seperti mana ditanggung oleh Pelanggan.

13. Hanya transaksi OOTT yang berjaya diluluskan dan dilaksanakan sebelum tamat Tempoh Kempen memenuhi syarat Kempen ini
14. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap dan tidak mempunyai apa jua kawalan atas kesesakan lalulintas rangkaian, kegagalan dan/atau gangguan rangkaian yang mungkin dialami penyedia perkhidmatan telekomunikasi berkenaan dalam kelewatan perkhidmatan mereka dan sebarang kelewatan dalam penghantaran atau pemprosesan transaksi OOTT.
15. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan dengan ini:
 - (a) bersetuju semua rekod dan transaksi OOTT yang dirakamkan oleh Bank sepanjang Tempoh Kempen adalah tepat dan muktamad;
 - (b) bersetuju keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah terakhir, muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan;
 - (c) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&Cs Kempen serta Terma dan Syarat Pindahan Bertelegraf; dan
 - (d) bersetuju untuk mengakses laman web Bank di <https://www.hlb.com.my> dan <http://www.hlisb.com.my> ("**Laman Web Bank**") dari semasa ke semasa untu menyemak T&Cs dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan.

Umum

16. Bank berhak
 - (a) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&Cs di dalam ini, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank, untuk memberi notis awal kepada Pelanggan; dan
 - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen sekiranya mana-mana akaun simpanan/akaun simpanan-i atau akaun semasa/akaun semasa-i Pelanggan ditutup oleh Pelanggan dan/atau Bank atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
17. T&Cs di dalam ini hendaklah dibaca bersama-sama Terma dan Syarat Pindahan Bertelegram sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan sekiranya terdapat percanggahan, maka T&Cs di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
18. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen, maka T&Cs muktamad seperti mana dalam Laman Web Bank atau dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank hendaklah diutamakan.
19. T&Cs di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
20. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i dan Akaun Semasa/Akaun Semasa-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.